

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

NAMA :

KELAS :



Berdasarkan karangan di bawah, sila isikan perkataan yang sesuai di dalam ruangan yang dikosongkan.

Peranan ahli keluarga dalam menangani masalah sosial

Dewasa ini, sering terpampang di dada-dada akhbar melaporkan tentang anak-anak muda yang ke dalam masalah sosial seperti ketagihan dadah dan bebas yang merencat perkembangan yang baik untuk generasi masa hadapan. Ramai di antara pelaku sebenarnya berasal daripada keluarga yang mempunyai masalah dan gagal dalam mereka ke jalan yang benar. Jelaslah bahawa keluarga memainkan peranan yang utama sekali dalam memastikan ahli keluarga tidak dengan sebarang masalah sosial yang membelenggu masyarakat kita hari ini.

Bapa borek, anak rintik, itulah peribahasa yang sesuai sekali dalam menunjukkan tanggungjawab menjadi seorang ibu atau bapa. Anak-anak dalam keluarga akan melihat dan melakukan apa yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka. Jika baik sikap ibu bapa maka baiklah anak-anak mereka. Jika buruk sikap ibu bapa maka tunggu dan lihatlah bagaimana anak-anak itu membesar kelak. Oleh itu, Ibu dan bapa serta ahli keluarga seharusnya menjadi yang terbaik kepada anak-anak supaya mereka sedar dan lihat manfaat dalam menjaga perilaku dan bersikap baik hati atau ringan tulang dalam kehidupan seharian. Penerapan nilai-nilai murni yang di ajarkan di sekolah dalam subjek tidak cukup sekiranya tidak dipraktikkan di rumah oleh seluruh ahli keluarga. Keluarga yang harmoni, menjamin kebahagiaan setiap ahli dan sekali gus melahirkan insan yang terbaik serta akan menyumbang sesuatu yang berharga kepada masyarakat dan negara.

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Selain itu, kesibukan dalam mengejar karier seringkali menjadi batu penghalang dalam memastikan hubungan dalam ahli keluarga itu kekal dalam kasih sayang yang cukup. Ibu bapa atau anak-anak yang telah bekerja haruslah masa untuk bersama-sama ahli keluarga sekurang-kurangnya dengan panggilan telefon. Perbualan pertanyaan khabar akan membawa kepada masalah atau luahan hati oleh ahli keluarga yang memerlukan sekiranya mereka menghadapi masalah dalam kehidupan mereka. Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya maka, ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih tua mampu mereka yang lebih muda dalam menghadapi kesulitan. Terdapat kes yang membuktikan tiada perkongsian dalam keluarga menjadi punca kepada mereka untuk melakukan gejala-gejala sosial yang mendatangkan bukan sahaja kepada mereka malah keluarga dan orang sekeliling mereka.

Dalam pada itu, didikan agama dan insaniah dalam keluarga amat penting bagi menghalang masalah sosial ini. Penerapan ilmu agama dapat membantu membentuk sahsiah yang baik dan menangkis anasir-anasir negatif yang membawa kepada gejala sosial. Setiap agama sudah pasti mengutamakan diri yang baik dalam mencapai tahap kerohanian yang baik. Melentur buluh biarlah dari rebungnya, didikan anak-anak sejak dari kecil menjamin hasil yang berbaloi pada masa hadapan sekali gus memberi kita kejayaan dalam membesarkan amanah yang dikurniakan Tuhan. Sokongan moral juga penting dalam memastikan ahli-ahli keluarga kekal mempunyai matlamat diri yang jelas dan ke arah yang positif. Sokongan ini adalah bentuk kasih sayang yang perlu bagi anak-anak terutamanya dalam mengejar cita-cita mereka supaya terus bermotivasi tinggi dan rasa dihargai oleh ahli keluarga mereka sendiri.

PDPR BAHASA MELAYU

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Usaha lain dalam memastikan peranan ahli keluarga untuk menangani masalah sosial adalah dengan kerap dan berkunjung ke rumah ahli keluarga yang tinggal berjauhan dengan kita. Hal ini kerana, kita boleh lihat dengan mata kita sendiri samada ahli keluarga kita itu dalam keadaan yang baik atau memerlukan bantuan. Kita sebagai dan orang yang rapat dengan mereka hendaklah menghulurkan segala bantuan yang kita mampu kepada ahli keluarga kita sekiranya mereka menghadapi masalah. Situasi ini, sering berlaku kepada golongan muda yang masih berjinak dengan bidang pekerjaan dan terdedah kepada gejala sosial yang akan harapan keluarga dan diri mereka juga.

Konklusinya, ahli keluarga berperanan penting dalam memastikan ahli keluarga yang lain tidak terjebak dalam masalah sosial. Pengaruh-pengaruh rakan sebaya atau media massa dapat ditangkis sekiranya langkah-langkah di atas dapat dilaksanakan. Semoga masalah yang masyarakat kita ini dapat diselesaikan dengan inisiatif dari pelbagai pihak supaya generasi modal insan kelas pertama akan terhasil. Masa depan negara bergantung kepada tahap sosial rakyatnya maka kita seharusnya berganding bahu memastikan orang sekeliling kita bersosial secara sihat serta dapat menjalani kehidupan yang harmoni aman dan sentosa.